

Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Filem Mat Kilau (2022) Menerusi Pendekatan Dakwah

The Application of Malay Methodology Theory In The Film Mat Kilau (2022) Through The Dakwah Approach

Azean Idruwani Idrus¹, Iffah Sakinah Othman²

ABSTRAK

Makalah ini menumpukan penganalisan filem *Mat Kilau* sebuah filem biografi epik sejarah Malaysia 2022 arahan Syamsul Yusof. Filem ini mengisahkan tentang Mat Kilau bersama dengan ayahandanya, Tok Gajah dan sahabatnya berjuang bermati-matian menentang penjajahan British satu ketika dahulu. Analisis berdasarkan Filem *Mat Kilau* menerusi pendekatan dakwah ini merupakan kaedah yang digunakan bagi melihat perkembangan Islam dan wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan atau ketaatan insan kepada Allah. Fokus kajian tertumpu kepada peristiwa-peristiwa penting yang memperlihatkan kehadiran Pendekatan Dakwah dalam filem *Mat Kilau* (2022). Kajian bersifat kualitatif ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Dapatan kajian mendapati adanya penerapan Islam seperti kepentingan masa, membantu orang yang dizalimi, sifat dengki, pemimpin ummah dan larangan memfitnah. Filem ini mampu menjadi alat untuk mengembangkan nilai Islam yang berlandaskan al-Quran dan hadis yang membawa kebaikan kepada pembangunan manusia.

Kata kunci: Filem, *Mat Kilau*, pendekatan dakwah, Islam, Teori Pengkaedahan Melayu

ABSTRACT

This paper focuses on the analysis of the film *Mat Kilau*, a 2022 Malaysian historical epic biographical film directed by Syamsul Yusof. This film tells the story of Mat Kilau together with his father, Tok Gajah and his friends fighting desperately against British colonialism once upon a time. The analysis on the *Mat Kilau* Film is through the dakwah approach. This approach is a method used to see the development of Islam and a tool to improve the value of piety or obedience to God. The focus of the study is on important events that show the presence of the Preaching Approach in the film *Mat Kilau* (2022). This qualitative study was conducted using bibliography and text analysis methods. The findings of the study found the application of Islam such as the importance of time, helping the oppressed, the nature of envy, the leader of the community and the prohibition of slander. This film can be a tool to develop Islamic values based on the Quran and hadith that bring good to human development.

Keywords: Film, *Mat Kilau* (2022), Hashim Awang (1989), Malay Methodology Theory, Religious methodology.

¹ Azean Idruwani Idrus, PhD, Kulliyah Bahasa dan Pengurusan, Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Hab Pagoh Edu, azeanidruwaniidrus@iium.edu.my

² Iffah Sakinah Othman, Kulliyah Bahasa dan Pengurusan, Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Hab Pagoh Edu, iffahsakinah9@gmail.com

Pengenalan

Perkataan filem seringkali diterjemahkan sebagai gambar bergerak dan memberi maksud gambar dan *movie* yang dilihat daripada aspek karakter, struktur, nada, tema, cara sebutan dan sebagainya (Erlidawati dan Siti Rahmah (2022)). Filem merupakan perantaraan karya kreatif oleh pengkarya dalam menyampaikan kritikan, idea dan pemikiran secara kreatif dan kritis. Garapan oleh pengkarya ini memaparkan kisah tentang kehidupan yang tidak terbatas kepada manusia sahaja, sama ada cerita itu benar, khayalan atau cerita yang telah diubahsuai atau dipadankan selain turut menjadi simbol cerminan kepada budaya sesebuah masyarakat. Selain itu, filem turut berfungsi untuk memaklumkan, mempengaruhi dan menghiburkan penonton.

Filem nasional ialah filem yang memaparkan isu dan identiti negara bangsa. Filem nasional merupakan filem yang memaparkan kehidupan masyarakat di sesebuah negara (Fatimah Muhd Shukri dan Nur Afifah Vanitha Abdullah, 2020). Filem nasional ini diterbitkan dan dihasilkan dengan menggunakan sumber dalam negara tersebut seperti ahli produksi, lokasi, tenaga pakar dan sumber kewangan. Hal ini demikian kerana filem nasional menceritakan tentang latar belakang sesebuah negara, iaitu tentang isu-isu masyarakat bangsa, pahlawan-pahlawan lelaki dan wanita dan budaya masyarakat tersebut. Elemen-elemen ini berbeza daripada negara lain kerana setiap negara mempunyai keistimewaan yang tersendiri sama ada dari segi politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Antara ciri kandungan filem nasional ialah filem ini dibentuk berdasarkan subjek dan isu tempatan, iaitu pemaparan realisme sosial sebuah negara bangsa berdasarkan budaya masyarakat yang merangkumi pergolakan politik, sosial dan ekonomi sesebuah negara. Hal ini dapat dicapai melalui bahasa pertuturan dalam filem, norma dan budaya masyarakat yang digambarkan dalam filem tersebut.

Filem *Mat Kilau* (2022) merupakan filem nasional yang memaparkan peristiwa dan watak *Mat Kilau* yang cukup sinonim kerana keberaniannya menentang penjajah British di Pahang secara terbuka kerana membantah campur tangan dalam pentadbiran negeri dan adat istiadat orang Melayu. Filem ini sarat dengan pengajaran tentang kecintaan terhadap agama, bangsa dan negara di samping penuh dengan mesej dakwah yang ingin disampaikan kepada masyarakat. Dakwah dari segi bahasa merupakan perbuatan memanggil dan mengajak kepada kebaikan yang berbentuk nasihat (Kristina, 2021).

Dakwah dilakukan bagi menyebarkan agama Islam yang diturunkan oleh Allah s.w.t dan penyebarannya dilakukan oleh Rasulullah s.a.w dengan tujuan pembangunan ummah (Ahmad Anas dan Hendri Hermawan Adinugraha, 2017). Pada peringkat awal penyebaran dakwah dalam masyarakat Melayu dilakukan melalui aktiviti seperti tabligh berkunjung dari rumah ke rumah dengan jumlah orang tertentu dan waktu yang sesuai. Peranan ahli tabligh amat besar dan penting kerana mereka menjadi contoh dan rujukan bagi masyarakat agar mengikuti jalan yang benar dan tidak mudah terpesong dalam hal ehwal agama (Dahia Lubis, 2016). Mereka menjadi perantara antara masyarakat agar kedamaian antara mereka dapat dikekalkan melalui dakwah secara lisan dan bukan lisan yang disampaikan. Sentuhan agama yang diterapkan dalam dakwah sedikit sebanyak dapat membuka minda mereka seperti menjaga waktu solat, bersedekah kepada golongan yang kurang berkemampuan dan berbuat baik kepada semua makhluk.

Penerapan dakwah dalam industri perfileman negara bukanlah sesuatu yang dianggap kebiasaan kerana banyak faktor yang harus diambil kira seperti aurat pelakon, dialog berasaskan keagamaan yang tidak bersifat provokatif dan kesesuaian watak. Penilaian dialog oleh ilmuwan agama adalah digalakkan agar setiap dialog yang membahaskan agama dari segi penggunaan dalil dan nas al-Quran tepat dan bersesuaian mengikut pengajaran yang ingin disampaikan. Filem ini meraih kutipan sebanyak RM97 juta dan antara filem yang meraih kutipan tertinggi dalam sejarah perfileman negara sekali gus mengangkat nama Melayu dan Islam dalam setiap perwatakan. Para pelakon memainkan watak sebagai pahlawan-pahlawan negara yang berkorban demi tanah air tercinta selain memaparkan ciri-ciri perwatakan yang menjurus kepada keperibadian mulia, mentaati perintah agama.

Intihannya pengarah filem perlulah cenderung untuk menghasilkan filem yang dapat memberi tambahan ilmu kepada masyarakat secara tidak langsung menyelitkan konsep dakwah berbanding filem berkisarkan cinta yang tiada kesudahannya berbanding. Di samping itu, penonton juga haruslah bijak memilih filem yang ingin ditonton agar mendapat manfaat ilmu yang boleh dikongsikan dengan memasukkan elemen dakwah sebagai panduan.

Pernyataan Masalah

Pada era pendigitalan pelbagai hiburan disajikan kepada masyarakat melalui media massa. Media massa berperanan penting menyampaikan maklumat, hiburan, didikan dan seumpamanya. Sifat media massa yang bersifat luas ini mampu menjadi pengaruh besar dan memberi pelbagai impak kepada moral sesebuah masyarakat. Kehadiran media massa seperti filem secara tidak langsung mendedahkan pelbagai jenis budaya dan gejala negatif seperti penipuan, propaganda, sensitiviti, perkauman, seks, pencabulan privasi dan lain-lain yang akhirnya mempengaruhi sikap individu. Natiujahnya impak filem yang ditonton itu akan mengakibatkan ketidakstabilan dalam emosi dan psikososial mereka dan membawa kepada kerosakan akhlak dalam kalangan masyarakat dan secara tidak langsung menyumbang kepada permasalahan sosial. Namun begitu, menerusi filem juga mampu dijadikan medium untuk menyebarkan maklumat, berperanan sebagai agen mendidik dan ia merupakan komponen penting yang boleh memberi kesan mendalam kepada jiwa manusia yang dahagakan keperluan rohaniah tersebut (Md. Rozalafri dan Megat Al-Imran, 2014a). Secara tidak langsung mampu menjadi medium dakwah yang berkesan dalam membentuk akhlak dan pemikiran masyarakat. Hal ini bertepatan dengan pandangan yang dinyatakan oleh Wawarah Saidpudin (2017), bahawa filem berupaya menjadi medium dakwah yang berkesan melalui kerjasama antara masyarakat, kesepaduan usaha dan pemikiran antara alim ulama' dan kebijaksanaan pengamal media untuk berkekrativiti.


Metodologi

Metodologi kajian ini menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu kerana ia amat bersesuaian dan bertepatan dengan tajuk yang dikaji, iaitu tentang konsep dakwah. Kajian tentang konsep dakwah mempunyai perkaitan yang baik dengan Teori Pengkaedahan Melayu terutama untuk diaplikasikan. Reka bentuk kajian ini ialah kajian kualitatif yang merangkumi analisis terhadap kandungan teks dalam filem *Mat Kilau* yang disiarkan pada 23 Jun 2022. Filem yang berdurasi 1 jam 57 minit arahan Syamsul Yusof menampilkan Dato' Adi Putra memegang watak utama sebagai Mat Kilau. Kajian ini merupakan kajian yang menggunakan kaedah kepustakaan bagi mencapai objektif kajian. Metodologi penelitian kepustakaan mencakupi

sumber data, pengumpulan data dan analisis data (Noeng Muhadjir,1996). Terdapat beberapa kaedah yang digunakan dalam analisis data, iaitu kaedah kepustakaan, kaedah muat turun bahan, kaedah transkripsi, kaedah analisis kandungan teks atau dokumen, dan kaedah penjadualan. Filem Mat Kilau dimuat turun menerusi aplikasi Netflix. Filem ini ditonton untuk meneliti aspek dakwah yang terkandung dalam dialog pertuturan oleh setiap watak. Setiap ujaran ditranskripsikan ke dalam bentuk teks. Kaedah ini dijalankan dengan meneliti, menonton dan mendengar setiap ujaran yang dituturkan oleh watak dalam filem. Setelah ujaran ditranskripsikan ke dalam bentuk teks, pengkaji mengklasifikasikan ujaran atau frasa yang mengandungi konsep dakwah berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang, 1994b).

Kerangka Teori

Teori Pengkaedahan Melayu mula diperkenalkan pada tahun 1989 oleh Hashim Awang (1994b) yang merupakan sarjana dan pengkritik yang terkenal di tanah air. Teori ini menfokuskan kepada semua aspek kehidupan manusia yang merangkumi cara, sikap serta pengamalan hidup, kepercayaan agaman dan penerapan kebudayaan setempat dalam masyarakat Melayu yang melahirkan karyanya sendiri. Semua unsur ini dilihat memiliki fungsi dan kemanfaatan yang khusus dalam kehidupan. Teori ini berpaksikan alam sebagai sebahagian daripada kehidupannya yang mempunyai kaitan rapat dengan manusia. Alam dijadikan faktor utama untuk memenuhi keperluan kehidupan manusia yang memberikan mata pencarian atau pekerjaan, pengalaman, pengajaran dan kebajikan. Keindahan bahasa yang terhasil ini adalah daripada perkaitan alam dengan manusia yang dibentuk berdasarkan keperluan dan berubah mengikut peredaran zaman. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa orang Melayu antara bangsa yang menghargai alam (Nadia Ishak dan Kamariah Kamarudin,2019). Hal ini terbukti apabila teori ini bukan hanya menegaskan kepada sesuatu unsur bahasa yang tersurat, namun juga yang tersirat. Secara ringkas teori Pengkaedahan Melayu yang dibincangkan dapat dilihat seperti dalam Rajah 1:



Rajah 1: Pendekatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu (Diubahsuai daripada Hashim Awang, 1994b)

Dalam menerapkan teori dalam kajian kesusasteraan Melayu, teori Pengkaedahan Melayu dibahagikan kepada dua, iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Pengkaedahan alamiah merujuk kepada manusia yang memasukkan elemen alam dalam kehidupan seharian, iaitu bersandarkan cara atau sikap hidup masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada dirinya. Perkara ini menggerakkan orang Melayu untuk keluar melakukan pekerjaan yang memberi manfaat kepada diri sendiri dan alam persekitaran. Alam dijadikan perumpamaan apabila hendak menjelaskan sesuatu yang memberi manfaat kepada masyarakat. Contohnya, orang Melayu pada suatu ketika dahulu menganggap pokok sebagai guru kerana boleh menghasilkan buah berkualiti, iaitu pelajar. Perkataan pelajar di sini dianggap sebagai buah hasil daripada pokok tersebut dan sekaligus membawa maksud kejayaan. Melalui pengkaedahan ini, ia dipecahkan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan guna, pendekatan moral dan pendekatan firasat.

Pendekatan guna memandang sastera sebagai sesuatu yang wujud secara fizikal dan boleh dilihat melalui pancaindera (Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah, 2021). Segala perisiannya bersifat positif dan mempunyai kegunaan terhadap alam sejagat kerana semua ciptaan Allah s.w.t itu menakjubkan dan tidak terjangkau dek akal keindahannya. Hal ini menunjukkan pendekatan guna boleh diumpamakan sebagai sebahagian daripada alam yang memberi manfaat kepada manusia, seperti air yang boleh memberi minum kepada manusia dan sekaligus menghilangkan rasa dahaga kepada peminum. Manfaat yang diberikan air amatlah besar kerana air juga boleh menyembuhkan manusia apabila mempunyai luka di badan (Tyler Szelinski, 2021). Sepertimana air yang memberikan kebaikan kepada manusia, sastera juga mampu memberikan impak yang sama.

Manakala pendekatan moral dikategorikan sebagai pendekatan yang memandang kepada aspek baik dan buruk manusia dalam kehidupan (Noor Hazwany Haji Arifin dan Noryamisma Ismail, 2014). Pendekatan ini tidak lagi disamakan dengan peralatan kerana ianya melibatkan dalaman manusia yang menunjukkan buah fikiran yang berupa kreatif dalam berfikir, kecerdasan dalam ilmu pengetahuan, cara pergaulan dengan masyarakat, keimanan kepada Tuhan dan kerohanian (Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah, 2021).

Pendekatan ini menunjukkan sastera berada pada tahap peradaban yang tertinggi dan tidak terpisah dengan kehidupan manusia. Di samping itu, pendekatan moral dalam sastera yang sebetulnya mampu menambah baik cara hidup manusia dan bukannya menambah buruk kehidupan mereka, menurut Mohamad Saleh Rahamad memetik John Gardner (1978). Melalui bacaan sastera yang mampu memberikan impak sedemikian akan membuatkan kadar jenayah berkurangan kerana sentuhan nilai moral disuntikkan dalam pemikiran mereka seperti berbuat baik sesama manusia, haiwan peliharaan dan alam sekitar.

Pendekatan firasat boleh dilihat dalam masyarakat Melayu pada zaman dahulu yang menyentuh tentang kepercayaan sama ada berlandaskan syaria Islam atau bertentangan (Mazarul Hasan Bin Mohamad Hanapi, Abdul Halim Ali dan Mohd Rosli Saludin, 2016). Kepercayaan yang dimaksudkan adalah berbentuk lambang dan mengambil kira binatang biawak dan kucing sebagai contoh, ia membawa maksud keburukan iaitu sesuatu yang buruk akan terjadi jikalau terserempak dengan binatang tersebut. Walhal, dalam Islam, semua ciptaan Allah itu indah dan tidak memberikan sebarang kesialan kepada kehidupan.

Sementelah ia berkait rapat dengan orang Melayu itu sendiri, maka teori ini tidak boleh lari daripada pegangan agama mereka, iaitu agama Islam. Menurut Perlembagaan Persekutuan

(Perkara 3), agama rasmi Persekutuan ialah Islam, namun begitu, agama lain juga boleh dipraktikkan dengan bebas oleh mana-mana individu atau masyarakat berbilang kaum seperti Hindu, Buddha, Kristian, Sikh, dan lain-lain. Oleh hal yang demikian, boleh dikatakan bahawa Teori Pengkaedahan Melayu mempunyai hubungan dengan keimanan terhadap Allah s.w.t dalam kehidupan seharian. Pengkaedahan Keagamaan merupakan pengkaedahan yang berlandaskan Islam dan merangkumi kepercayaan yang kuat terhadap agama (Rabbyatul Adawiyah Che Hussin, Hakimah Syafiqah Abdul Latif, Ilya Maisarah Che Zakaria,2022). Pendekatan ini berteraskan kepada nilai keimanan dan ketakwaan yang bersendikan akidah agama Islam. Al-Quran dan hadis dijadikan rujukan utama dan diamalkan dalam kehidupan seharian seterusnya menonjolkan sifat-sifat keagungan Allah dan mempertingkatkan ketakwaan terhadap-Nya. Pengkaedahan Keagamaan terbahagi kepada tiga pendekatan, iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni yang saling berkait antara satu sama lain.

Majoriti masyarakat Melayu beragama Islam, oleh itu boleh dikatakan bahawa pengkarya Melayu banyak memasukkan elemen keagamaan dalam karya mereka sebagai tanda mendekati diri kepada Allah yang Maha Esa (Nurul Nasuha Mohd Rosle dan Zubir Bin Idris,2018). Sastera dijadikan wadah untuk mengagumi dan menggambarkan keesaan Allah s.w.t melalui kejadian dan penciptaanNya kepada umat manusia. Orang Islam yang sejati semestinya mengikut suruhan Allah s.w.t dan meninggalkan laranganNya, (Surah Yunus ayat 63). Setiap yang dilarang Allah s.w.t mestilah mempunyai keburukan tersendiri yang terkadang tidak terlihat secara zahir.

Pendekatan Dakwah dalam sastera menekankan karya yang mempunyai nilai keindahan Islam sebagai dasar utama. Melalui pendekatan dakwah sastera dilihat sebagai wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan atau ketaatan seseorang insan kepada Allah. Pendekatan ini berfungsi ke arah memperkembangkan keunggulan Islam melalui nilai kemurnian dan keistimewaan Islam yang boleh menimbulkan daya tarikan. (Jumaji Haji Selamat, 2009). Hashim Awang (1994a) menegaskan sastera dalam tanggapan kudus sewajarnya mengandungi persoalan-persoalan yang memaparkan sifat-sifat keindahan, kemuliaan dan ketinggian Allah. Pendekatan ini menunjukkan ia selari dengan unsur yang ditekankan, iaitu berlandaskan ketakwaan kepada Sang Pencipta. Dakwah didefinisikan sebagai perbuatan menyeru manusia kepada jalan yang benar (Mushlihin, 2012). Islam menyeru umatNya untuk cergas dalam melakukan aktiviti berdakwah agar saling ingat-mengingati terhadap amalan yang diperintahkan Allah, seperti solat, sedekah, infaq, kesantunan dan lain-lain. Pendekatan Kemasyarakatan pula mementingkan tatacara hidup yang berpaksikan ketenteraman dalam masyarakat yang hidup Bersama (Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah,2021). Masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang mengamalkan sikap mementingkan kehidupan masyarakat, berbanding masyarakat Eropah Barat dan Amerika Utara yang bersikap individualistik iaitu tidak mementingkan kehidupan berjiran (Louise Ward,2022). Kehidupan individu yang gemar bermasyarakat akan lebih sejahtera dan saling bertolak ansur kerana jiran-jiran saling menjaga keselamatan tetangganya daripada sebarang pencerobohan dan penculikan.


Pendekatan Seni merupakan keindahan yang diterapkan dalam kesusasteraan, (Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim,2016). Keindahan yang diterapkan hendaklah berlandaskan Islam dan tidak bertentangan dengannya. Dari aspek keindahan yang tersirat, ia berkait rapat dengan pertuturan manusia dan pemilihan kata yang indah apabila berkomunikasi, manakala aspek tersirat pula berkenaan pesanan yang ingin diluahkan pengkarya dalam karyanya.

Teori Pengkaedahan Melayu merupakan teori yang berlandaskan Islam dan tidak mungkin terpisah daripadanya kerana orang Melayu itu sendiri bermajoriti Islam dan begitu mementingkan pengamalan beragama dalam kehidupan seharian. Agama yang diterapkan dalam kehidupan melahirkan masyarakat yang bermoral dan suka melakukan kebaikan kepada alam sejagat.

Dapatan Kajian

Pendekatan Dakwah dalam filem Mat Kilau (2022) dapat dilihat berdasarkan Jadual 1. Kesemua watak memainkan peranan dalam menyampaikan dakwah seperti kepentingan masa, membantu orang yang dizalimi, sifat dengki, pemimpin ummah, larangan memfitnah, ujian untuk orang yang menegakkan keadilan, larangan mengambil orang kafir sebagai pemimpin, tanggungjawab seorang muslim, nilai silaturahmi, berbuat baik antara manusia, semangat jihad, kepercayaan kepada takdir Ilahi dan keikhlasan hati.

Jadual 1: Peristiwa yang menunjukkan penerapan pendekatan dakwah



Kepentingan Masa

Masa merupakan perkara yang paling penting dalam kehidupan seharian kerana tanpa pengurusan masa yang teratur, manusia akan lalai dan kerja-kerja yang seharusnya dilakukan tepat pada masanya akan terbengkalai. Dalam petikan dialog ini memperlihatkan bahawa Tok Gajah menasihati anak-anak muridnya, Mat Kilau, Awang, Wahid dan Brahim tentang kepentingan menepati masa. Namun, Awang yang bongkak mengatakan bahawa mereka sudah mempunyai masa yang cukup untuk bertempuh melawan musuh tanpa menyedari bahawa masa juga merupakan ciptaan Allah, oleh itu mempersiapkan diri dengan segala musibah yang mendatang adalah lebih baik daripada meninggikan diri. Kepentingan masa ditekankan kerana ianya penting sehinggakan Allah menurunkan ayat al-Quran yang bersumpah kepada masa dalam surah Al-Asr, iaitu:

“Demi masa. Sesungguhnya, manusia berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan kebajikan serta saling menasihati untuk kebenaran dan saling menasihati untuk kesabaran.” Surah Al-Asr Ayat 1-7

Dalam peribahasa Melayu, terdapat sebuah ungkapan “masa itu emas” yang bererti kita sebagai manusia mestilah menghargai masa dan tidak menghabiskannya dengan perbuatan

yang sia-sia. Muhamad Naim (2019) memetik tentang masa melalui pernyataan Imam Fakhr al-Din al-Razi iaitu, Allah berfirman dengan masa kerana pelbagai perkara yang boleh terjadi di dalamnya, seperti seseorang boleh mendapatkan kekayaan dan kemiskinan, kebaikan dan keburukan, kesihatan dan wabak dengan keizinan daripadaNya. Hal ini bermakna, seseorang yang tidak merancang masa dengan baik akan berdepan dengan kerugian kerana masa tidak menunggu manusia, sebaliknya bergerak mengikut seperti yang dikehendakiNya, siang dan malam, iaitu selama 24 jam dalam sehari mengikut sistem kiraan waktu. Oleh hal yang demikian, manusia diseru untuk melakukan amal dan kebaikan seperti saling berpesan kepada perkara yang benar dan bersabar agar memperoleh manfaat daripadanya.

Jadual 2: Kepentingan Masa

Tok Gajah: *Apa yang telah kamu lihat tadi, kamu telah bersedia. Aturan nafas dengan kudrat hendaklah sentiasa selari serta seiring. Zikir kepada Allah itulah pembakar semangat perjuangan kita. Sebolehnya hendaklah kita sentiasa mendahului masa. Waslri Innalinsanalifi khusr (Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian). Allah berfirman. Demi masa.*

Mat Kilau: Baik, ayah. Memang kami tak boleh mengubah masa. Tapi kami akan usaha dan memanfaatkan agar menjadi berkat dengan doa dan ilmu. Kami akan memperbaiki segala kelemahan kami. Maha suci Allah dengan kehebatan ciptaan-Nya.

Awang: *Siapa yang lebih bersedia, dialah yang akan ada kelebihan. Yang lemah, yang suka menanggung-nangguh, mereka inilah yang akan dikalahkan. Kami sudah ada masa dan kekuatan yang cukup, ayah.*

Membantu Orang yang Dizalimi

Zalim merupakan sesuatu perbuatan yang negatif (Siti Marwani, 2020). Perbuatan tersebut bukan sahaja membahayakan diri sendiri, malahan orang di sekitar kita. Berdasarkan Jadual 3 perkara ini dapat dilihat menerusi watak Mat Kilau, Wahid dan Awang yang berusaha memujuk Usup untuk menyertai mereka menentang penindasan British yang merampas tanah orang-orang Melayu di kawasan perkampungan, di samping menangkis serangan mereka terhadap penduduk kampung, seperti yang telah berlaku di Kuala Tembeling yang mengorbankan beberapa orang penduduk, termasuk wanita dan kanak-kanak. Usup pada awalnya enggan memberi kerjasama kerana masih mempunyai ibu bapa masih hidup yang memerlukan jagaannya dan sebab lain adalah kerana dia mempunyai mentaliti bahawa orang Melayu tidak akan menang kerana sentiasa dijajah oleh kuasa luar. Oleh itu, Mat Kilau mengeluarkan sabda Rasulullah s.a.w yang berbunyi “*Bantulah orang-orang yang dizalimi. Semestinya pertentangan akan terus berlaku*”.

Wildan Imaduddin (2019) meletakkan definisi zalim sebagai tidak meletakkan sesuatu pada tempatnya. Menurutnya lagi, Imam al-Thayalisi merujuk kepada Anas bin Malik R.A meletakkan definisi zalim kepada tiga pecahan utama, iaitu yang pertama, melakukan dosa syirik, yang kedua, perbuatan mungkar yang membawa kepada dosa seorang manusia kepada Allah s.w.t dan yang ketiga, perbuatan dosa seorang manusia kepada manusia yang lain. Perbuatan zalim yang ketiga ditangguhkan pengampunannya oleh Allah selagi orang tersebut tidak memaafkan saudaranya yang menzalimi dirinya. Zalim kategori ketiga lebih menakutkan kerana memerlukan pengampunan daripada manusia sebelum diampunkan Allah.

Perwatakan Mat Kilau, Wahid, Awang dan Brahim yang bersungguh memujuk Usup untuk bersama-sama membantu menentang penjajah daripada berterusan menjajah tanah air haruslah dicontohi kerana ia termasuk dalam perbuatan yang baik. Perbuatan membantu penduduk kampung disamakan dengan membantu orang yang dizalimi kerana terdapat suatu bentuk penindasan tanpa rela yang berlaku terhadap mereka. Penindasan dan kekerasan

terhadap sesuatu kaum yang menyebabkan nyawa terkorban haruslah diperangi kerana mengganggu kehidupan harmoni masyarakat yang tinggal bersama. Tambahan pula, perkara tersebut dapat membangkitkan kemarahan penduduk dan mengubah persepsi mereka terhadap kuasa luar yang datang ke tanah air.

Merujuk kepada ayat kedua iaitu "*Semestinya pertentangan akan terus berlaku*" membawa maksud bahawa jikalau mereka berganding bahu membantu penduduk kampung yang berada dalam kesusahan akibat penindasan orang Inggeris, kebarangkalian untuk ditentang dan diserang amatlah tinggi kerana penjajah tersebut tidak akan berdiam diri apabila bantuan dihulurkan kepada pihak yang dianayai. Oleh itu, mereka mengumpulkan semua penduduk kampung dan pahlawan untuk melakukan serangan terhadap askar-askar British di samping mempersiapkan diri dengan amal ibadah seperti sembahyang secara berjemaah dan melakukan tazkirah ringkas sebagai persiapan rohani untuk menghadapi peperangan walaupun tidak mempunyai alatan perang secanggih British.

Jadual 3: Membantu Orang yang Dizalimi

Mat Kilau: Sejarah tetap sejarah, Usup. Masa depan, Allah yang tentukan. Kau boleh berpihak kepada sesiapa pun. Tapi sekarang orang Inggeris semakin rakus merampas tanah orang-orang Melayu. Kita harus mempertahankan tanah kita, Usup.

Wahid: *Alangkah buruknya sikap seorang hamba yang membiarkan saudara sendiri ditindas. Kuala Tembeling sudah diserang Inggeris semalam. Ramai orang kita yang terkorban, termasuk perempuan dan anak-anak kecil. Kita? Diam? Butakan mata begitu sahaja? Begitu, Usup?*

Usup: Apa yang boleh kita lakukan, sahabat? Jangan Inggeris perlu disalahkan kerana masuk ke dalam tanah kita! Salahkan bangsa kita sendiri kerana memberi ruang kepada mereka untuk jajah tanah kita ini! Kamu semua sahaja yang bersemangat. Yang lain orang kita? Hanya duduk dan melihat. Itu sahaja. Akhirnya kita akan mati dalam keseksaan.

Wahid: Biar mati terseksa daripada mati sia-sia.

Awang: Jangan pandai ungkap kata tanpa melihat diri sendiri. Apa bezanya kau dengan orang Melayu yang lain? Bukan Islam namanya kalau takut berjuang.

Mat Kilau: *Rasulullah S.A.W bersabda, "Bantulah orang-orang yang dizalimi". Semestinya pertentangan akan terus berlaku. Sedangkan para nabi sekalipun tak dapat mengelak dan melaluinya.*

Jadual 4: Sifat Dengki

4.Sifat Dengki

Brahim: Kelebihan Abang Kilau memang tak dapat disangkal.

Awang: Habis, aku ni tak layak? Tak boleh jadi ketua? Kenapa aku tak layak jadi ketua? Aku dengan Kilau ni tiada bezanya. Takde jurang dalam pertempuran kami. Kalau nak aku bertempur dengan dia sekarang pun, aku tak jadi masalah.

Wahab: Apa kau cakap ni? Hm? Hormat keputusan Tok Gajah. Jangan sampai hilang harapan dan tujuan perjuangan kita ni, hati-hati.

Awang: Aku tak pernah hilang harapan dalam berjuang. Tapi untuk letak Kilau tu sebagai ketua, aku memang tak akan pernah setuju. Memang dia handal bersilat. Tapi bagi aku, dia tak tegas dalam buat keputusan.

Tok Gajah: *Sifat yang paling bahaya dalam diri seseorang ialah dengki. Sebab itu aku tak pilih kamu jadi ketua. Aku dah buat keputusan. Semua pembesar pula dah bersetuju.*

Awang: Tapi ayah...

Wahid: Hati-hati, Awang.

Jadual 4 berkenaan sifat dengki yang tidak seharusnya dimiliki oleh mana-mana manusia beragama Islam. Dengki merupakan perbuatan tidak senang terhadap perkara baik yang menimpa orang lain (Adkhana Faizzatur Rokhmah, 2018). Perwatakan ini dapat dikesan dalam diri Awang apabila Mat Kilau dilantik menjadi ketua dengan persetujuan Tok Gajah dan para pembesar. Awang tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut kerana merasakan dirinya lebih layak menjadi ketua berbanding Mat Kilau yang menurutnya tidak mempunyai pendirian yang tegas dalam membuat keputusan. Di samping itu, Awang juga meletakkan dirinya di tahap yang sama dengan Mat Kilau dalam pertempuran dan yakin bahawa boleh mengalahkan Mat Kilau jikalau diberi peluang sekali lagi untuk membuktikan dirinya layak sebagai seorang ketua.

Walau bagaimanapun, perbuatan tersebut ditempelak oleh Tok Gajah yang kurang menggemari sifat dengki Awang yang mempunyai hasrat dengki terhadap Mat Kilau dan berpendapat bahawa seorang ketua tidak boleh bersifat sedemikian. Perbuatan ini juga dilarang oleh Allah dan Rasulullah s.a.w dengan penurunan ayat al-Quran dan hadis yang melarang manusia kepada bersifat dengki. Hadis Nabi Muhammad s.a.w daripada riwayat Sunan Abi Dawud (4903) menyebut tentang larangan tersebut yang bermaksud:

“Sifat hasad dengki mestilah kalian jauhi, kerana dapat menghilangkan kebaikan sebagaimana kayu yang dihapuskan dengan api” Hadis Riwayat Sunan Abi Dawud (4903)

Hadis ini membuktikan bahawa sifat dengki membawa banyak keburukan kerana mampu menghapuskan pahala kebaikan yang dilakukan manusia seperti berbuat baik sesama manusia dan bersedekah. Jikalau pahala berbuat baik dihapuskan, maka berlakunya kekurangan bekalan amal ibadah yang dapat dibawa apabila menghadap Sang Pencipta apabila sudah meninggal dunia kelak. Namun begitu, terdapat dua cara hasrat dengki dibolehkan dalam Islam seperti yang terdapat dalam hadis Sahih al-Bukhari (73) yang bermaksud:

“Dua perkara perasaan hasad dan dengki dibolehkan: dengki terhadap orang yang dikurniakan harta oleh Allah SWT dan harta tersebut dibelanjakan pada jalan yang benar, dan orang yang memiliki hikmah dan orang tersebut berhukum dengannya dan mengajarkannya.”
Hadis Sahih al-Bukhari (73)

Namun begitu, hasad dengki yang dimiliki Awang merupakan hasad yang merugikan kerana membahayakan sebuah perjuangan dan tidak mengandungi sebarang manfaat di sebaliknya. Oleh hal yang demikian, para pembesar tidak melantik Awang sebagai salah seorang ketua untuk memimpin pahlawan lain kerana sedar bahawa perbuatan tersebut boleh memakan diri dan menggagalkan sebuah perjuangan yang memerlukan pemimpin yang bersifat baik seperti bijaksana, gagah dan berlapang dada untuk memimpin ahli kumpulan berbanding pemimpin yang bersifat sebaliknya.

Jadual 5: Pemimpin Ummah

Pemimpin Ummah

Mat Kilau: Kalau Awang berkeras mahukan tempat Kilau, izinkan. Kilau tak mahu bertikam lidah di kemudian hari.

Brahim: Tak perlu, Abang Kilau. Kami semua nak Abang Kilau yang pimpin kami.

Tok Gajah: Dalam kalangan manusia, ada insan yang seakan-akan terpilih untuk memikul tanggungjawab memperbaiki ummah. Mudah-mudahan, kamulah insan itu, Kilau.

Jadual 5 memperlihatkan peristiwa pemimpin ummah. Pemimpin merupakan ketua atas orang tertinggi dalam sesebuah organisasi yang bertanggungjawab mengetuai organisasi

tersebut dan membuat keputusan akhir bagi sebarang permasalahan yang terjadi. Ummah pula bermaksud sebuah masyarakat yang hidup bersama dan mempunyai tujuan kehidupan yang sama, menurut Lola Fadilah dan Satria Kharimul Qolbi (2022). Peristiwa ini memperlihatkan pemimpin ummah, iaitu Mat Kilau yang diharapkan untuk menjadi pemimpin di Tanah Melayu bagi menjalankan tugas untuk mengubah penduduk ke arah kebaikan. Tanggungjawab yang diberikan kepada Mat Kilau dapat disamakan dengan tanggungjawab yang diperintahkan Allah s.w.t kepada Nabi Muhammad s.a.w iaitu memimpin bangsa Arab yang berpecah belah. Menurut Nassaruddin Umar (2020), Rasulullah diperintahkan untuk mengubah masyarakat yang menyekutukan Allah, mempunyai nilai moral yang rendah, miskin dan tidak menghormati sesama insan ke arah yang lebih baik.

Begitu juga seperti watak Mat Kilau yang diberi amanah untuk menyatukan penduduk Melayu yang enggan berjuang nyawa demi mempertahankan tanah air tercinta daripada ancaman anasir luar, iaitu pihak British. Mereka tidak mempercayai kepimpinan Mat Kilau kerana menganggap beliau punca terjadinya kejadian bom meletup di jeti yang mengorbankan beberapa nyawa penduduk yang berjual beli di sana, walhal ia sebenarnya perbuatan Awang yang merampas senjata askar British untuk dijadikan sebagai senjata perang. Akibatnya, perkara tersebut menimbulkan kemarahan Kapten Syers dan menyebabkan insan yang tidak berdosa terbunuh.

Sifat-sifat kepimpinan Rasulullah s.a.w yang boleh diteladani para pemimpin antaranya sifat sabar, pemurah, tidak gentar, rendah diri, cerdik, sifat empati dan sentiasa beribadah kepada Allah s.w.t. Allah s.w.t berfirman bahawa Rasulullah s.a.w ialah insan yang boleh dijadikan tauladan yang baik, iaitu setiap pergerakan, perkataan dan perbuatannya boleh dijadikan rujukan dalam membentuk sahsiah diri yang lebih baik. Seperti yang terdapat dalam surah Al-Ahzab ayat 21 yang bermaksud:

“Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.”
Surah Al-Ahzab Ayat 21

Watak Mat Kilau merupakan cerminan kepada keperibadian Nabi Muhammad s.a.w, iaitu sabar dalam menjadi pemimpin untuk mengetuai ahli kumpulan, terutamanya Awang yang ingkar mendengar arahan Mat Kilau agar tidak terburu-buru dalam melakukan sesuatu perancangan. Selain itu, beliau juga menunjukkan sifat berani ketika menyelamatkan Wahid yang menjadi tahanan British dan mengetuai barisan pimpinan orang Melayu yang terbuka hati untuk berlawan dengan pihak British. Sifat-sifat ini bukan sahaja disukai Allah, malahan orang yang berada di sekeliling kita.

Kesimpulan

Secara umumnya, pendekatan dakwah diterapkan dalam filem Mat Kilau (2022) yang menyentuh aspek keagamaan seperti soal kepentingan masa, membantu orang yang dizalimi, sifat dengki dan pemimpin ummah yang bertujuan mencari konsep kempimpina, kebajikan dan kesejahteraan hidup.. Situasi ini menunjukkan bahawa filem Mat Kilau mampu menjadi medium untuk mengembangkan pemantapan Islam yang berlandaskan alQuran dan hadis melalui pendekatan dakwah yang memancarkan nilai kemurnian, keistimewaan dan keunggulan Islam. Pendekatan aspek pendakwaan dapat mempengaruhi kehidupan manusia menjadi Muslim yang seiring dengan kehendak ajaran Islam.

Rujukan

- Ahmad Anas dan Hendri Hermawan Adinugraha, (2017). Dakwah Nabi Muhammad terhadap Masyarakat Madinah Perspektif Komunikasi Antarbudaya. Ilmu Dakwah: Academic Journal for Homiletic Studies. Vol 11, No 1 (2017).53-72.
- Al-Hafizh, Mushlihin. (2012). Pengantar Teori Motif dan Motivasi. <http://www.referensimakalah.com/2013/05/pengantar-teorimotif-dan-motivasi.html> Diakses 10 Jun 2023.
- Adkhana Faizzatur Rokhmah. (2018). Dengki Dalam Perspektif Al-Quran Korelasi Dengan Teori Agresi. Tesis Sarjana Yang Tidak Diterbitkan, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel.
- Fatimah Muhd Shukri dan Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2020). Perkembangan Industri Filem Nasional Malaysia (1933 – 1989). Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, Vol. 47 (2).126-148.
- Dahia Lubis, (2016). Persepsi Mubaligh Dan Mubalighah Terhadap Kesetaraan Dan Keadilan Gender di Kota Medan. Jurnal Ilmu -Ilmu Keislaman. Vol 40, No 1. 1-24.
- Hashim Awang (1994a). Metodologi Kesusasteraan Islam: Kaedah Penilaian.” Dewan Sastera, Februari, 10-15.
- Hashim Awang. 1994b. “Pengkajian Sastera: Pengkaedahan Melayu.” Pengarang, Teks dan Khalayak. Dlm. Sahlan Mohd. Saman (pnyt.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 326-335.
- Jumali Hj. Selamat. (2009). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah. Jurnal Personalia Pelajar Bil. 12.19 - 37.
- Lola Fadilah dan Satria Kharimul Qolbi. (2022). Memahami Pendidikan Islam Berdasarkan Tafsir Ayat-ayat Ilmu Pengetahuan Dalam Al-qur’an.
- Mazarul Hasan Bin Mohamad Hanapi, Abdul Halim Ali Dan Mohd Rosli Saludin. (2016). “Simbol Dalam Mantera Menurut Kepercayaan Orang Melayu.dlm Jurnal RUMPUN. Tanjong Malim: Persatuan Penulis Budiman.
- Md. Rozalafri Johori & Megat Al-Imran Yasina. 2014^a. Menyubur Fikrah Islam Penerbit Rancangan Televisyen Islamik: Suatu Sorotan Pandangan Dunia Dan Falsafah Universiti. Conference Of Management & Muamalah. Auditorium, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kajang, 26-27 Mei.
- Md. Rozalafri dan Megat Al-Imran, 2014a). Syarat Penerbitan TV Patuh Syariah: Suatu Refleksi. 1st National Conference on Communication Research & Exhibition [2015] KUIS, 4 Mac 2014.901-971.

- Mohd Ajib Ismail. (2020). Rasulullah Saw Teladan Ummah Sepanjang Zaman. Diakses pada 20 Januari 2023. Diperoleh daripada <https://alhijrahnews.com/rasulullah-saw-teladan-ummah-sepanjang-zaman/>.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, 4 (2), 45-57.
- Muhammad Naim. (2019). Memahami Nilai Masa Dalam Islam. Diakses pada 28 Januari 2023. Diperoleh daripada <https://inchenaim.com/nilai-masa-dalam-islam/>
- Nadia Ishak Dan Kamariah Kamarudin. (2019). Aspek Dakwah Dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu) *MALAY LITERATURE*. Vol. 32 (1).116-144.
- Noeng Muhadjir, (1996). *Metodologi Penelitian Kualitatif* Penerbit Rake Sarasisn, Yogyakarta Koentjaraningrat. 1993. *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. PT. Gramedia Pustaka Utama. Jakarta.
- Noor Hazwany Haji Arifin dan Noryamisma Ismail. (2014). Pemikiran Dalam Novel Semanis Kyuho Karya Ghazali Lateh. *Jurnal Pengajian Melayu - Jomas*, Jilid 31, 2020: 151-168
- Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob Dan Nasirin Abdillah, (2021). Keberkesanan Unsur Watak Dan Perwatakan Dalam Cerita Rakyat Dalam Kalangan Kanak-Kanak Dan Remaja Melalui Media Animasi. *Jurnal Melayu Bil.20* (2).230 -246.
- Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah. (2021). *CITRA Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu*. *Journal of Business and Social Development*. Vol 9 (2). 93-106
- Nurul Nasuha Binti Mohd Rosle dan Zubir Bin Idris. (2018). Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(2), 1-15.
- Rabbyatul Adawiyah Che Hussin, Hakimah Syafiqah Abdul Latif, Ilya Maisarah Che Zakaria, (2022). Nilai Kemanusiaan Dalam Filem Magika (2010): Satu Pengkaedahan Teori Pengkaedahan Melayu Oleh Hashim Awang (1989). *E-Proceeding Webinar Budaya Di Persada Dunia Pelestarian Warisan*. Jabatan Pengajian Warisan Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan.
- Siti Marwani, (2020). Analisis Semantik Kata Zalim dalam Al-Qur'ân. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Sains Malaysia. Institut Ilmu Al-Qur'an (Iiq) Jakarta.
- Wildan Imaduddin. (2019). Menolong Orang yang Dizalimi. Diakses pada 27 Januari 2023. Diperoleh daripada <https://bincangsyariah.com/kolom/menolong-orang-yang-dizalimi/>
- Wawarah Saidpudin. (2017). *Televisyen Medium Dakwah: Peranan, Pengaruh Dan Cabaran*. 4 Th International Research Management & Innovation Conference (Irmic 2017) Institut Latihan Malaysia (Ilim) Bangi, 7 September 2017.188-201